

UMRAH

Kembara Rohani Mengubah Diri

12 HARI 10 MALAM

5 – 15 NOVEMBER 2023



HARI 1 (AHAD/5 NOV) – KUALA LUMPUR - JEDDAH - MEKAH

Jemaah dikehendaki berkumpul di Aras 5 (Balai berlepas), Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), 4 Jam sebelum waktu penerbangan. Lapor diri kepada Ketua rombongan/Mutawwif. Sesi taklimat, sesi bergambar dan bacaan doa selamat oleh Mutawwif. Selesai urusan 'Check In' jemaah akan menaiki penerbangan Saudia SV835 untuk ke Jeddah, Arab Saudi (Penerbangan mengambil masa kira-kira 9 jam)

Tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Raja Abdul Aziz, Jeddah. Selesai urusan imigresen serta bagasi, jemaah dibawa dengan bas menuju ke hotel penginapan di Mekah untuk pendaftaran masuk. Selepas urusan 'Check In' di hotel, jemaah diminta berkumpul di lobi hotel dan menuju ke Masjidil Haram dibimbing oleh Mutawwif untuk menyempurnakan ibadah **umrah pertama (Wajib)**. Bermalam di Mekah.

HARI 2 (ISNIN/6 NOV) – MEKAH

Aktiviti bebas. Jemaah bebas melakukan ibadah sendiri di Masjidil Haram. Bermalam di Mekah.

Sarapan pagi

HARI 3 (SELASA/7 NOV) – MEKAH

Solat Subuh di Masjidil Haram. Selesai sarapan pagi jemaah diminta berkumpul di lobi. Menaiki bas untuk ziarah luar sekitar kota Mekah bermula dari Jabal Thur, Padang Arafah, Jabal Rahmah, Masjid Namirah, Muzdalifah, Masjid Masyairil Haram, Mina, Masjid Khaif dan Jamarat. Dalam perjalanan pulang, jemaah dibawa singgah di Masjid al Jaranah atau Miqat Ja'ranah (tempat miqat Rasulullah SAW). Di sini jemaah digalakkan berniat ihram umrah lagi bagi mengerjakan ibadah **umrah kali kedua**. Seterusnya ketika di pertengahan jalan pulang ke Mekah, jemaah akan dibawa singgah melihat Jabal Nur (Gua Hira') dari kaki bukit dan melintasi perkuburan Ma'ala sebelum sampai di hotel. Bermalam di Mekah.

Sarapan pagi

HARI 4 (RABU/8 NOV) – MEKAH

Lawatan ke Kota Thaif. (OPTIONAL - bagi yang berminat *Bayaran tambahan RM180 dikenakan).

Bagi Jemaah yang tidak mengikuti lawatan ke Thaif, mereka bebas melakukan aktiviti sendiri di Masjidil Haram.



(Aturcara lawatan ke Thaif)

Solat Subuh di MasjidilHaram. Selesai sarapan pagi jemaah diminta berkumpul di lobi hotel. Menaiki bas untuk ke kota Thaif, bandar pelancongan di kawasan pergunungan yang sejuk dan cantik. (Perjalanan mengambil masa 2 jam dengan jarak sekitar 120km). Antara tempat yang akan dilawati ialah Masjid Saidina Ibnu Abbas RA. Jemaah akan dibawa menziarahi makam Saidina Abdullah bin Abbas RA dan makam syuhada Thaif serta makam ulama Nusantara iaitu as Sheikh Wan Daud bin Wan Abdullah Fathoni Rahimahullah. Selesai bersolat sunat di masjid ini, jemaah akan dibawa bersiar-siar dan membeli belah di kota lama Thaif.



Lawatan di kota Thaif diteruskan dengan pergi melawat Ladang Addas (Ladang Anggur), Masjid Qua' (Siku), Masjid Qantarah serta dibawa makan tengahari di restoran Arab sekitar Kota Thaif. Seterusnya jemaah akan dibawa ke Ladang ros/mawar di pergunungan Al Hada. Dalam perjalanan pulang, singgah di Masjid Qarnul Manazil dan bermiqat untuk berniat ihram bagi mengerjakan ibadah umrah. Bermalam di Mekah.

Sarapan pagi



HARI 5 (KHAMIS/9 NOV) – MEKAH

Solat Subuh di Masjidil Haram. Selesai sarapan pagi, jemaah berkumpul di lobi hotel dan akan menaiki bas untuk ke Hudaibiyah. Ketika dalam perjalanan bas akan melalui beberapa tempat menarik dan singgah (Jika ada kesempatan masa) ke tempat seperti Muzium Abu Bakar Al'Amudi, Ladang Unta dan seterusnya ke Masjid Hudaibiyah. Jika keadaan mengizinkan jemaah digalakkan untuk berniat ihram **umrah kali ketiga**. Dalam perjalanan pulang ke hotel penginapan, bas akan singgah di Muzium Mekah dan akan dibawa masuk ke dalam muzium sekiranya mendapat kebenaran pihak berkuasa Arab Saudi. Bermalam di Mekah.


Sarapan pagi



HARI 6 (JUMAAT/10 NOV) – MEKAH

Aktiviti bebas. Jemaah bebas melakukan ibadah sendiri dan Solat Jumaat di Masjidil Haram. Bermalam di Mekah.


Sarapan pagi



HARI 7 (SABTU/11 NOV) (MEKAH-MADINAH)

Selesai sarapan pagi jemaah diminta bersiap sedia untuk melakukan Tawaf Wada' (Tawaf Selamat Tinggal) sebelum masuk waktu zohor. (Solat Zohor didirikan secara Jama' Qasar bersama Solat Asar). Jemaah berkumpul di lobi hotel dan menaiki bas untuk dibawa ke Madinah (Perjalanan kira-kira 6 jam). Setibanya di Madinah terus 'Check In' di hotel penginapan. Aktiviti bebas dan beribadah di Masjid Nabawi. Bermalam di Madinah.

Sarapan pagi/Makan malam





HARI 8 (AHAD/12 NOV) (MADINAH)

Solat Subuh di Masjid Nabawi. Selesai sarapan pagi jemaah dengan bimbingan Mutawwif jemaah akan dibawa untuk ziarah dalam di sekitar Masjid Nabawi seperti Saqifah Bani Saidah, Masjid Saidina Ali RA, Masjid Saidina Abu Bakar RA dan Masjid Ghamamah. Jemaah seterusnya dibawa menziarahi Makam Rasulullah SAW (Jemaah akan dibimbing untuk menyampaikan salam kepada Baginda Rasulullah SAW dan dua sahabat baginda iaitu Saidina Abu Bakar RA dan Saidina Umar Al Khattab RA). Seterusnya jemaah akan dibawa menziarahi perkuburan Baqi'. Bermalam di Madinah.

Sarapan pagi/Makan tengahari/Makan malam



HARI 9 (ISNIN/13 NOV) – MADINAH

Solat Subuh di Masjid Nabawi. Selesai sarapan pagi jemaah berkumpul di lobi hotel untuk menaiki bas dan dibawa untuk ziarah luar. Antara tempat-tempat yang akan dilawati ialah Masjid Quba, Ladang kurma, Masjid Sab'ah (Masjid Tujuh), Masjid Qiblaitain, Jabal Uhud, Jabal Rumat dan perkuburan syuhada Uhud. Bermalam di Madinah.

Sarapan pagi/Makan tengahari/Makan malam



HARI 10 (SELASA/14 NOV) - MADINAH

Aktiviti bebas. Jemaah bebas melakukan ibadah sendiri di Masjid Nabawi. Bermalam di Madinah.

Sarapan pagi/Makan tengahari/Makan malam



HARI 11 (RABU/15 NOV) – MADINAH - KUALA LUMPUR

Solat Subuh di Masjid Nabawi. Selepas solat, jemaah akan melakukan ziarah wada'. Bersiap sedia dan 'Check Out' hotel. Berkumpul di lobi hotel dan menaiki bas ke Lapangan Terbang Antarabangsa Putera Muhammad bin Abdulaziz, Madinah. Berlepas pulang ke Kuala Lumpur dengan penerbangan Saudia SV830 (Penerbangan mengambil masa kira-kira 9 jam).

Sarapan pagi



HARI 12 (KHAMIS/16 NOV) – KUALA LUMPUR

Tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Sesi bergambar dan salam perpisahan.

*Aturcara tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa

Semoga beroleh umrah mabrur dan redha Allah.



TERIMA KASIH

Maklumat Penerbangan

TARIKH	DARI	KE	NO. PENERBANGAN	MASA PENERBANGAN
05 Nov 2023	Kuala Lumpur	Jeddah	SV 835	1735/2140
15 Nov 2023	Madinah	Kuala Lumpur	SV 830	1520/0500+1

Maklumat Hotel

BANDAR	HOTEL	ALAMAT
MEKAH 50 meter dari Masjidil Haram	Al Safwah Royale Orchid 5☆  	4289, Al Hajlah, Mecca 24231, Saudi Arabia Phone +966 125768888
MADINAH 100 meter dari Masjid Nabawi	Grand Plaza Badr Al Maqam 3☆  	زيد بن ثابت , Bada'ah, Al-Madinah al-Munawwarah 42311, Saudi Arabia Phone: +20 102 162 1590

Harga Pakej

HARGA PAKEJ SEORANG		
Hotel	Bilik Berempat	Bilik Berdua
Al Safwah Royale Orchid, Mekah 5☆	RM10,050.00	RM11,600.00
Grand Plaza Badr Al Maqam, Madinah 3☆		

Terma & Syarat

1. Pakej termasuk harga yang ditawarkan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.
2. Tertakluk kepada terma dan syarat. Layari <http://www.vislamic.com> untuk maklumat lanjut.

VISLAMIC TRAVEL & TOURS SDN.BHD

Reg. No : 202101030507 (1430807-K)

B-1-4 (1/F, Block B) North Point Offices, Mid Valley City
 No. 1, Medan Syed Putra Utara, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia



+ 603 2091 9978



www.vislamic.com



+ 6017 607 7188



info@vislamic.com



Berdaftar Dengan

Kem. Pelancongan & Kesenian Malaysia (KPK/LN : 10389)

Persatuan Agensi Pelancongan Umrah & Haji (No : PP 871)

Malaysian Association of Tour & Travel Agents (MA 6625)